

DATE : 07 FEBRUARY 2017
PUBLICATION : UTUSAN SARAWAK
SECTION : EKONOMI
HEADLINE : SERBA DINAMIK CATAT UNTUK RM48 JUTA
CATEGORY : COMPANY
MEASUREMENT : 23.7CM²
TONE : NEUTRAL
REMARKS : NIL

Serba Dinamik catat untung RM48 juta

KUALA LUMPUR: Serba Dinamik Holdings Bhd yang akan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 8 Februari 2017, mencatat keuntungan sebelum cukai RM48.38 juta pada suku ketiga berakhir 30 September 2016.

Penyedia perkhidmatan kejuruteraan tenaga itu mencatat pendapatan RM511.5 juta dalam suku yang sama.

Dalam satu kenyataan semalam, Pengarah Urusan dan Ketua Pengarah Eksekutif Kumpulan, Datuk Dr Mohd Karim Abdullah berkata, bahagian operasi dan penyelenggaraan adalah penyumbang utama kepada pendapatan itu, iaitu RM468.83 juta diikuti oleh bahagian kejuruteraan, pemrolehan, pembinaan dan pentauliahan, RM40.28 juta.

Sektor lain yang turut menyumbang ialah latihan teknikal, penyediaan penyelesaian dan perkhidmatan maklumat, komunikasi dan teknologi, bekalan produk dan komponen serta penyediaan perkhidmatan logis-

tik yang menjana RM2.41 juta dalam pendapatan pada suku berkenaan.

"Kami berupaya mengukuhkan kedudukan kewangan kami kerana perkhidmatan kami adalah penting dalam melanjutkan hayat kelengkapan dan struktur digunakan dalam industri minyak dan gas walaupun berlaku kelembapan dalam industri itu sejak 2014," katanya.

Mohd Karim juga optimis yang penyenaian syarikat itu di Bursa Malaysia akan mengukuhkan lagi kedudukan kewangannya dan membantu memantapkan kedudukannya dalam industri tersebut.

"Ia akan memacu syarikat lebih jauh ketika kami berusaha menjadi penyedia penyelesaian sehati dan terus mewujudkan nilai untuk pelabur kami," katanya.

Serba Dinamik, beroperasi di dalam negara dan seberang laut, terlibat dalam penyediaan perkhidmatan, terutama kepada industri minyak dan gas serta penjana tenaga. -- BERNAMA